



ADVISORY NOTE NO. 3/2021

PENGUNAAN “KEPUJIAN” DALAM PENAMAAN PROGRAM SARJANA MUDA, TAHAP 6 MALAYSIAN QUALIFICATIONS FRAMEWORK (MQF)

PENDAHULUAN

1. Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menerima banyak pertanyaan daripada pihak berkepentingan seperti Ahli Panel Penilai (APP) MQA, Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT), pelajar dan Pihak Berkuasa Melantik berkenaan dengan penggunaan “Kepujian” dalam penamaan program.
2. Penamaan program pengajian adalah penting untuk memberikan gambaran menyeluruh berkenaan dengan tahap kelayakan dan bidang pengajian sesuatu program. Bagi penamaan program yang berkaitan dengan Badan Profesional, PPT hendaklah mematuhi ketetapan Badan Profesional yang berkaitan.
3. PPT adalah bertanggungjawab memastikan penamaan program pengajian/ kelayakan yang ingin dianugerahkan adalah tepat, serta menggambarkan *Body of Knowledge* (BoK) dan kandungan program.
4. MQA telah mengeluarkan Garis Panduan Penamaan Program Pendidikan Tinggi Malaysia (Guidelines on Nomenclature of Malaysian Higher Education Programme) pada tahun 2019. Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan norma asas penamaan sesuatu program pengajian kepada PPT dalam menamakan program pengajian yang ditawarkan di institusi masing-masing.
5. PPT merujuk kepada Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti. PPT juga merangkumi Institusi Pendidikan Tinggi/ Latihan Awam lain yang programnya telah diakredit oleh MQA.

PENGGUNAAN “KEPUJIAN” DALAM PENAMAAN PROGRAM

6. MQA menggalakkan PPT menggunakan “Kepujian” atau “*Honours*” dalam penamaan program yang lazimnya digunakan untuk program Sarjana Muda, Tahap 6 MQF. Walau bagaimanapun, bagi penamaan program yang melibatkan Badan Profesional, PPT hendaklah mematuhi ketetapan Badan Profesional yang berkaitan.
7. Kelebihan menggunakan “Kepujian” dalam penamaan program antaranya adalah seperti berikut:
 - i. Meneladani amalan baik yang dipraktikkan oleh universiti-universiti terkemuka antarabangsa.
 - ii. Meningkatkan pemahaman pihak berkepentingan (terutamanya dari luar negara) mengenai penggunaan “Kepujian” di Malaysia.
 - iii. Memudahkan urusan pengiktirafan kelayakan dan penyetaraannya dengan kelayakan antarabangsa.
 - iv. Memudahkan proses mobiliti graduan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di pelbagai negara.
 - v. Meningkatkan prospek pekerjaan graduan Malaysia di dalam dan luar negara.
 - vi. Memudahkan proses penentuan tangga gaji oleh Pihak Berkuasa Melantik dalam urusan perkhidmatan.
8. PPT boleh menentukan posisi/kedudukan “Kepujian” dalam penamaan program. Namun demikian, penggunaannya perlu konsisten dan selaras bagi semua program di PPT. Contohnya:
 - i. Sarjana Muda Animasi dengan Kepujian
 - ii. Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian) (Kejuruteraan Perisian)
 - iii. *Bachelor of Science (Honours) Biotechnology*
 - iv. *Bachelor of Education (Teaching Malay Language) with Honours*

9. PPT yang tidak menggunakan “Kepujian” dalam penamaan program disarankan untuk menyatakan dengan jelas di dalam *Malaysian Qualification Statement* (MQS) bahawa kelayakan yang diperolehi oleh graduan adalah memenuhi kompetensi Tahap 6 MQF. Ini dapat meningkatkan pemahaman pihak berkepentingan di dalam mahupun di luar negara mengenai kelayakan dan sistem pendidikan tinggi di Malaysia.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Pertanyaan dan Aduan di www2.mqa.gov.my/sppa/.

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)
29 MAC 2021

SENARAI DOKUMEN BERKAITAN YANG BOLEH DIRUJUK:

i. MALAYSIAN QUALIFICATIONS FRAMEWORK (MQF) 2ND EDITION

<https://www.mqa.gov.my/pv4/document/mqf/2019/Oct/updated%20MQF%20Ed%202%2024102019.pdf>

ii. MALAYSIAN QUALIFICATION STATEMENT (MQS)

<https://www2.mqa.gov.my/qad/garispanduan/GGP-Malaysia%20Qualification%20Statement.pdf>

iii. GARIS PANDUAN PENAMAAN PROGRAM PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA (GUIDELINES ON NOMENCLATURE OF MALAYSIAN HIGHER EDUCATION PROGRAMME)

<https://www.mqa.gov.my/pv4/document/2021/publications/Garis%20Panduan%20Penamaan%20Program.pdf>